



■ Saya berpendapat Dr Mahathir adalah Perdana Menteri terbaik kita setakat ini. Pada usia 78 tahun, beliau masih bertenaga dan mempunyai kesihatan yang baik.

Beliau adalah seorang penyayang, berdedikasi, mudah didekati, berkarisma dan yang paling saya kagumi adalah kebijaksanaan serta kelantangan beliau mempertahankan maruah negara

Pengurus Pemasaran,
Wendy Wong



■ Perdana Menteri kita, Dr Mahathir adalah pemimpin yang sangat komited dengan tugasnya dan mempunyai pelbagai kebolehan.

Beliau bukan saja berjaya menguruskan negara kita ini dengan baik hingga dikenali pada peringkat antarabangsa dan pada masa yang sama dapat memastikan kesihatan dan kebajikan penduduk negara ini tidak terabai.

Pengurus Jenama,
Michael JH Ooi



■ Dengan kebijaksanaan dan wawasan yang jitu, Dr Mahathir berjaya menjadikan Malaysia maju dan penduduknya hidup aman.

Terima kasih Perdana Menteri di atas segala jasa yang diberikan dan semoga Dr Mahathir dan keluarga dianugerahkan kesihatan yang baik.

Pegawai Perhubungan Awam,
Song Yoke Ling



BH 31/10/2003 - 8, 17-19, 22-23, 27, 29, 30, 32, 34, 40, 42, 46

- Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat MIC menghargai dan menyanjung tinggi kepemimpinan Dr Mahathir yang membawa Malaysia ke tahap kegemilangan selama 22 tahun

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu




- Kelemahan Dr Mahathir ialah lembut hati menyebabkan ada pihak yang bertindak memeralatkannya kerana tidak tahan dengan rayuan orang

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik




- Keputusan Dr Mahathir sesuatu yang menyedihkan kerana negara kehilangan seorang pemimpin agung

Bekas Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS)
Datuk Amar Leo Moggie



- Pas menghormati Dr Mahathir sebagai pemimpin negara yang berjaya memperkenalkan negara melalui suaranya di pentas antarabangsa. Beliau juga banyak memperkenalkan peraturan, termasuk memastikan kakitangan awam menepati waktu

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang



BH 31/10/2003 - 8, 17-19, 22-23, 27, 29, 30, 32, 34, 40, 42, 46

Ini tentulah hasil usaha anak-anak watan sendiri di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa mengutamakan pembangunan untuk negara dan umat.

Sheikh Al-Azhar,
Dr Mohamed Sayed Tantawi

Cadangan itu adalah sesuatu yang amat baik daripada pemimpin ulung dunia. Saya mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri anda (Dr Mahathir) kerana mencetuskan idea ini demi kesejahteraan umat Islam di seluruh dunia.


Malaysia boleh menjadi tuan rumah sekretariat itu dan ia juga mungkin boleh dipindahkan ke negara lain pada masa depan seperti ke Indonesia atau Turki.

Pensyarah Fakulti Teologi,
Universiti Ankara, Turki,
Khamal Mohammed

Cadangan Dr Mahathir itu satu idea sangat menarik dan pasti ditunggu umat Islam seluruh dunia. Malaysia mampu menjadi tuan rumah kepada sekretariat itu kerana ia sebuah negara Islam yang progresif dan dihormati oleh negara Islam lain.

Dalam dunia moden, saya fikir kita perlu satu sekretariat global yang lebih tersusun bagi membolehkan pemikir, cendekiawan Islam berbincang secara lebih teratur.

Penerbit majalah Islam
Q-News, London,
Fuad Nahdi



Vatican bersetuju dengan perspektif Dr Mahathir mengenai Palestin (iaitu isu Palestin bukan semata-mata kerana Islam, tetapi lebih kepada soal warga Palestin kehilangan tanah tumpah darah mereka kerana diusir daripada wilayah mereka) dan berkongsi pandangan dengan Malaysia bahawa punca keganasan perlu diatasi.

Pope John Paul II



BH 31/10/2003 - 8, 17-19, 22-23, 27, 29, 30, 32, 34, 40, 42, 46

- Tidak termimpi dalam hidup saya untuk bekerja dengan Dr Mahathir apabila menyertai pasukan polis 33 tahun lalu tetapi saya bersyukur apatah lagi bekerja dengan seseorang yang luar biasa seperti Dr Mahathir.

Mohamad Ali



- Dr Mahathir kerap menggunakan bahasa isyarat. Sebab itulah kami akan duduk di sudut yang boleh dilihat oleh PM dan kami juga boleh melihat PM. Bila tengah duduk dan PM kerap memandangi, kita fahamlah maksudnya yang mahu sesuatu.


Fadzilah Lazim



BH 31/10/2003 - 8, 17-19, 22-23, 27, 29, 30, 32, 34, 40, 42, 46


■ Saya seorang pemimpin baru dan lebih muda. Maka saya tidak mempunyai masalah untuk mengagumi Dr Mahathir dan menganggap beliau sebagai pemimpin lebih senior dari segi kehidupan politik, usia dan pengalaman. Saya sudah mengagumi beliau sejak bertahun-tahun lalu, malah sebelum saya membabitkan diri dalam politik. Maka apabila saya bertemu beliau, saya bercakap dengan beliau secara ikhlas seperti mana mereka yang lebih junior dan mahu belajar daripada beliau.

Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawarta



■ Yahudi kini membalas dendam atas kekejaman lalu dengan menindas umat dan negara Islam dengan dakwaan anti-Semitik. Umat Islam kini sengsara dan menjadi mangsa kepada tuduhan anti-Semitik. Ucapan Dr Mahathir sebenarnya mengagumkan dan logikal. Kami menyokong ucapan dan pandangan beliau sepenuhnya. Itu adalah realiti yang dihadapi dunia Islam.

Presiden Iran, Seyed Mohammad Khatami



■ Dr Mahathir akan meletak jawatan hujung bulan ini. Kami ucapkan selamat bersara kepada beliau


Perdana Menteri Australia, John Howard



BH 31/10/2003 - 8, 17-19, 22-23, 27, 29, 30, 32, 34, 40, 42, 46

Saya tidak melihat ucapan Dr Mahathir sebagai anti-Yahudi kerana itu bukan amalan Perdana Menteri sebagai umat Islam.

**Perdana Menteri Kuwait,
Sheikh Sabah Al-Ahmad Jaber Al-Sabah**




Analisis Dr Mahathir mengenai sejarah Islam amat tepat dan betul.

**Presiden Afghanistan,
Abdul Hamid Karzai**



Saya tidak nampak sebarang petanda (menghasut negara OIC untuk melancarkan perang) dalam ucapan Dr Mahathir. Kita berbincang mengenai harmoni, dialog dalam ummah dan bukannya kontroversi selain perpaduan serta persahabatan dengan tidak kira agama atau kaum.

**Menteri Luar Bangladesh,
M Morshed Khan.**



Dr Mahathir berani kemuka idea bernas bagi membangun dan memajukan

umat Islam serta menyatakan sesuatu yang benar, terutama membabitkan sikap tidak jujur Israel terhadap rakyat Palestin.

Presiden Yaman, Ali Abdullah Salih.